

Projek tebatan banjir siap Jun

Oleh KHAIRI MOHAMAD
khairi.mohamad@kosmo.com.my

KOTA BHARU – Projek tebatan banjir Sungai Kelantan bernilai RM260 juta yang dilaksanakan sejak lima tahun lalu dijangka siap pada Jun ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK), Datuk Makhtar Mustapha berkata, projek tersebut yang kini telah siap 98 peratus dijangka dapat mengatasi masalah banjir di bandar Kota Bharu pada musim tengkujuh.

Menurut Makhtar, projek tersebut yang dibiayai kerajaan Pusat melibatkan pembinaan benteng sepanjang hampir 3.5 kilometer bermula dari Kampung Penambang hingga ke belakang Istana Kota Lama.

“Ia merangkumi komponen utama seperti kerja membina benteng sepanjang satu kilometer di Kampung Penambang, dinding penahan banjir di Kampung Cina sehingga ke belakang Istana Kota Lama sejauh 2.24 kilometer, pintu air dan pembinaan 26 sistem saliran,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan projek tersebut dengan menaiki



MAKHTAR (tiga dari kanan) meninjau projek tebatan banjir Sungai Kelantan di Kota Bharu kelmarin.

bot bermula di Jeti Kastam di sini kelmarin.

Makhtar memberitahu, kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelancongan juga membina Menara Tinjau berharga RM4.8 juta di tebing Sungai

Kelantan dekat sini.

“Pembinaan Menara Tinjau ini bertujuan untuk menambah tempat menarik yang boleh dilawati pelancong ketika melawat bandar Kota Bharu,” katanya.

Bank Rakyat serah zakat RM2 juta

KUCHING – Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) semalam menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM2 juta kepada Tabung Baitulmal Sarawak.

Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Datuk Mangsor Saad menyampaikan zakat itu kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada satu majlis di Pejabat Ketua Menteri di sini.

Menurut kenyataan Bank Rakyat, peruntukan zakat perniagaan bagi tahun 2012 ialah RM41 juta iaitu hasil daripada jumlah keuntungan sebanyak RM2.11 bilion.

“Jumlah zakat yang dikeluarkan hari ini (semalam) meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding jumlah yang dikeluarkan Bank Rakyat bagi tahun 2011,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyebut bayaran zakat dibuat berdasarkan operasi perniagaan 14 cawangan Bank Rakyat di seluruh Sarawak.